



BUKU PANDUAN PENGGUNA

JOMINAR
400UG

Hubungi Kami

PUSAT SERVIS MODENAS

Negeri	Alamat
Kedah	Kawasan Perindustrian Gurun, 08300 Gurun, Kedah. ☎ : 04-466 8236 🖨 : 04-466 8109
Selangor	No. 62 & 64, Jalan Pluto AY, U5/AY, Seksyen U5, 40150 Shah Alam, Selangor. ☎ : 04-466 8160 🖨 : 03-7845 1025
Johor	No. 1, Jalan Kempas 2, Taman Tanah Tampoi, 81200 Johor Bahru, Johor. ☎ : 07-236 1695 🖨 : 07-235 2693
Pahang	No. A 149, Lrg Seri Teruntum 8, Jln Dato Wong Ah Jang, Tmn Tunas Maju, 25200 Kuantan, Pahang. ☎ : 09-512 3380 🖨 : 09-512 3383
Perak	No 123, Jalan Raja Musa Aziz, 30300 Ipoh, Perak. ☎ : 05-249 8962/63 🖨 : 05-249 8965
<p data-bbox="447 1032 777 1059"><i>Pusat Panggilan Pelanggan</i></p> <p data-bbox="475 1059 748 1100">1 800 880 181</p> <p data-bbox="831 1032 1272 1059"><i>WhatsApp Talian Khidmat Pelanggan</i></p> <p data-bbox="887 1059 1199 1100">+6019-570 8135</p>	



SELAMAT DATANG

Kami mengucapkan terima kasih kerana memilih motosikal MODENAS yang unik ini. Motosikal baru anda ini adalah suatu hasil kecanggihan kejuruteraan, ujian terperinci dan usaha yang berterusan dari MODENAS demi mencipta yang terbaik di dalam ketahanan, keselamatan dan kuasa.

Baca Buku Panduan Pengguna ini sebelum menunggang motosikal anda untuk mengetahui secara lebih terperinci tentang operasi kawalannya, kemudahannya, kebolehannya serta had-hadnya. Buku panduan ini menyediakan panduan menunggang motosikal yang baik, tetapi ianya tidak merangkumi kesemua teknik dan kemahiran yang diperlukan untuk menunggang motosikal dengan baik dan selamat. MODENAS mengesyorkan kepada semua pengguna motosikalnya untuk melibatkan diri dalam program kursus penunggangan demi mendapatkan kesedaran rohani dan mental yang diperlukan untuk penunggangan yang selamat.

Untuk menjamin hayat yang panjang ke atas motosikal anda, lakukan penyelenggaraan yang sempurna sepertimana yang dinyatakan di dalam buku panduan ini. Buku Panduan Servis boleh dibeli dari pusat servis atau wakil pengedar MODENAS yang diiktiraf sekiranya anda berminat untuk mengetahui maklumat yang lebih terperinci mengenai motosikal MODENAS anda. Buku Panduan Servis ini mengandungi maklumat penyelenggaraan dan baik pulih secara terperinci.

Semua maklumat di dalam Buku Panduan Pengguna ini adalah merujuk kepada maklumat dan spesifikasi semasa ianya dicetak dicetak. Oleh itu, ianya mungkin mengandungi sedikit perbezaan maklumat di antara motosikal dan buku panduan. Sila rujuk kepada pusat servis atau pengedar MODENAS yang diiktiraf bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai Buku Panduan Pengguna.



ISI KANDUNGAN

NO	KETERANGAN	M/S		
1.	Spesifikasi Teknikal	1	15.	Pemegang Cekau 19
2.	Data Pengenalan	3	16.	Pemeriksaan Sebelum Perjalanan 20
3.	Lokasi Komponen	4	17.	Bagaimana Menunggang Motosikal 21
4.	Suis Utama / Kunci Hendal	5	18.	Tabiat Menunggang Yang Baik 24
5.	Penutup Tangki Petrol & Panel Penunjuk Meter	6	19.	Tip Menunggang Selamat & Penjagaan Motosikal 25
6.	Fungsi Meter Digital Utama	7	20.	Minyak Enjin 26
7.	Sistem Brek Anti-Kunci (ABS)	9	21.	Tayar Tanpa Tiub & Tekanan Angin Tayar 27
8.	Tetapan Meter Digital Utama	10	22.	Bateri 28
9.	Pengecas Telefon Mudah Alih	12	23.	Sistem Penyejuk Enjin / Cecair Penyejuk 29/30
10.	Pemasangan Unit Navagasi Telefon Mudah Alih	13	24.	Maklumat Penyelenggaraan Berkala 31
11.	Suis Kawalan Kanan	14	25.	Bendalir Brek / Penjagaan Lampu Hadapan 33
12.	Lampu Hadapan Automatik & Operasi	15	26.	Penggunaan Strap Bagasi 34
13.	Suis Kawalan Kiri	16	27.	Carta Penyelenggaraan Berkala 35
14.	Tempat Duduk Hadapan & Belakang/Beg Alatan	17	28.	Penyelenggaraan Motosikal "Non-Use" 39
15.	Pemasangan Tempat Duduk Hadapan & Belakang	18		

MAKLUMAT KESELAMATAN DAN AMARAN:



Amaran: Ini menunjukkan bahaya atau kecederaan yang berpotensi kepada anda atau orang lain & kenderaan dapat terjadi jika nasihat yang diberikan tidak diikuti.



Awas: Ini menunjukkan bahaya yang berpotensi yang boleh mengakibatkan kerosakan kenderaan. Ikuti Nasihat yang disediakan dengan berhati-hati.

NOTIS

Penerangan dan ilustrasi dalam buku ini tidak boleh dianggap sebagai perjanjian dengan pengeluar. Ciri-ciri penting jenis yang diterangkan dan digambarkan di sini masih tidak berubah. MODENAS berhak mengemaskini buku ini pada bila-bila masa dan membuat pengubahsuaian pada kenderaan, bahagian atau aksesori pada bila-bila masa dan jika perlu.

SPEKIFIKASI TEKNIKAL

Enjin	: 4 Lejang, 1 Silinder, DOHC
Silinder x Lejang	: 89.0 mm x 60.0 mm
Sesaran Enjin	: 373.27 cc
Nisbah Mampatan	: 12.1 : 1
Kelajuan Melahu	: 1700 \pm 100 RPM
Kuasa Maksimum	: 29.41 kW (40 PS) at 8650 RPM
Daya Kilas Maksimum	: 35 Nm at 7000 RPM
Sistem Pencucuh	: 12 V, DC
Sistem FI	: Berbilang titik suntikan - BOSCH
Palam Pencucuh	: 3 Nos.
Jarak Kelegaan	: 0.8 ~ 0.9 mm
Sistem Pelinciran	: Pelinciran daya (takungan basah)
Transmisi	: 6 kelajuan, berputar
Jenis Klac	: Basah, Multiplate
Sistem Pemacuan	: Pemacu rantai
Nisbah Penurunan Utama	: 2.67 (80T/30T)
Nisbah Penurunan Akhir	: 3.00 (45T/15T)

Nisbah Gear;	
Pertama	: 2.67 (32/12)
Kedua	: 1.86 (26/14)
Ketiga	: 1.42 (27/19)
Keempat	: 1.14 (24/21)
Kelima	: 0.96 (22/23)
Keenam	: 0.84 (21/25)
Sistem Pemanduan Akhir	: Rantai Pemacu
Corak Pertukaran Gear	: 1 Turun 5 Atas
Penyejukan Enjin	: Penyejukan Air
Sistem Penghidup	: Elektrik
Kapasiti Tangki Minyak	
Penuh	: 13 liter
Simpanan	: 3 liter
Tanpa Simpanan	: 600 ml
Jenis Bahanapi	: Petrol tanpa plumbum
Dimensi	
Panjang	: 2156 mm
Lebar	: 836 mm
Tinggi	: 1112 mm

Asas Roda	: 1453 mm
Kelegaan Jalan	: 157 mm
Saiz Tayar	
Hadapan	: 110/70-R17, Tanpa Tiub
Belakang	: 150 /60-R17, Tanpa Tiub
Tekanan Angin Tayar	
Hadapan	: 2.04 Kg/cm ² (29 PSI)
Belakang (Tanpa Pembonceng)	: 2.25 Kg/cm ² (32 PSI)
Belakang (Dengan Pembonceng)	: 2.25 Kg/cm ² (32 PSI)
Brek Hadapan & Belakang	: ABS
Sistem Elektrik	: 12 Volt DC
Lampu Hadapan	: LED
Lampu Posisi	: LED
Lampu Brek/Belakang	: LED
Lampu Isyarat Belok	: LED (4nos. Oren)
Penunjuk Neutral	: LED, Hijau
Penunjuk Hi Beam	: LED, Biru
Penunjuk Isyarat Belok	: LED, Hijau
Lampu latar Speedometer:	LCD, Putih

Penunjuk Level Minyak	: LCD Bar
Penunjuk Tekanan Minyak Rendah	: Mesej Penggera
Penunjuk Kerosakan	: LED-Kuning
Penunjuk Suhu Penyejuk	: Mesej Penggera
Penunjuk Bateri Lemah	: Mesej Penggera
Logo	: Paparan Dalam Dot Matrik
Had RPM	: LED-Amber
Peringatan Servis	: Mesej Penggera
Penunjuk Penggera Generik	: Amber
Penunjuk Penyokong Sisi	: Mesej Penggera
Penunjuk ABS	: LED-Kuning
Lampu No. Plate Belakang	: LED
Hon	: 12V DC
Bateri	: 12V 8Ah VRLA
Berat Kering	: 182 kg. (ABS)
Berat Kasar	: 332 kg. (ABS)

NOTA

- Semua dimensi berada di bawah keadaan tanpa muatan.
- Maklumat di atas adalah tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis.
- **Kenderaan ini mematuhi piawaian BS VI.**
- **AHO ialah peraturan kerajaan.**

DATA PENGENALAN

Nombor siri enjin dan casis digunakan sebagai nombor pengenalan motosikal dan diperlukan untuk tujuan pendaftaran. Rekod dan simpan nombor siri tersebut sekiranya motosikal anda dicuri.




LOKASI NOMBOR CASIS

| Pada "Head Pipe" Di Sebelah Kiri Motosikal
(Abjad-Angka - 17 Digit)

LOKASI NOMBOR ENJIN

| Di Sebelah Kiri Crankcase Berdekatan Gear Pedal Anjakan (Abjad-Angka - 11 Digit)



LOKASI KOMPONEN



SUIS UTAMA / KUNCI HENDAL



SUIS UTAMA / KUNCI HENDAL

Tiga posisi.

●	LOCK: Hendal dikunci. Suis Utama OFF.
⚙️	OFF: Hendal tidak dikunci. Suis Utama OFF.
?	ON: Hendal tidak dikunci. Suis Utama ON.

UNTUK MENGUNCI HENDAL

Untuk mengunci hendal, pusingkan hendal ke kiri. Tekan & pusingkan kunci suis pencucuh ke arah posisi OFF dan seterusnya ke posisi "LOCK" dan keluarkan kunci.

Penguncian hendal hanya boleh dilakukan dalam posisi hendal disebelah kiri sahaja.

UNTUK MEMBUKA KUNCI HENDAL

Masukkan kunci utama ke dalam suis pencucuh. Tekan dan pusingkan mengikut pusingan jam ke posisi "OFF" atau "ON".

KUNCI

Kunci yang sama digunakan untuk suis utama, kunci hendal, penutup tangki minyak & tempat duduk belakang.

PENUTUP TANGKI PETROL & PENUNJUK PANEL METER KEDUA



PENUTUP TANGKI PETROL

- Untuk membuka penutup tangki, buka 'flap'(A). Masukkan kunci ke dalam penutup tangki, pusingkan kunci ke arah pusingan jam & angkat penutup tangki.
- Untuk mengunci penutup tangki, masukkan kunci, & pusingkan ke arah pusingan jam & tekan penutup tangki petrol. Bunyi 'klik' sahkan penutup tangki kunci sepenuhnya.

LANGKAH BERJAGA-JAGA

Jangan pasang "Key Chain" logam kerana ia boleh merosakkan cat pada penutup tangki.



Paparan penunjuk panel meter kedua akan berfungsi apabila suis utama dalam posisi 'ON'.

1. Odometer : Odometer menunjukkan jarak keseluruhan yang telah dilalui oleh motosikal. Odometer tidak boleh ditetapkan semula ke "Zero". Anggaran 0 ke 9,99,999 km.
2. Trip Meter : Trip 1 & Trip 2 menunjukkan jarak telah dilalui setelah meter ditetapkan kepada '0'. Ia bertukar ke '0' selepas 999.9 km dan boleh ditetapkan semula.
3. Butang Mod : Butang mod digunakan untuk mengubah mod sewaktu memilih & membuat tetapan pada trip 1, trip 2, ODO, INFO, jam & peringatan servis.
4. Butang Set : Butang set digunakan untuk membuat tetapan pada jam dan penunjuk peringatan servis. Dengan menekan butang set, paparan dalam panel meter utama akan bergerak.
5. Jam Digital : Jam digital yang dipaparkan menggunakan format 'Jam : Minit' (AM/PM)
6. Penunjuk Gear : Ia akan memaparkan kedudukan gear dari 1 hingga 6. Ia akan memaparkan 0 apabila kenderaan berada dalam kedudukan neutral.

BUTIRAN METER DIGITAL UTAMA

METER DIGITAL UTAMA AKAN BERFUNGSI APABILA SUIS UTAMA DALAM POSISI 'ON'.



1. Penunjuk Tachometer : Ia menunjukkan kelajuan enjin dalam revolusi per minit (RPM).
2. Penunjuk ABS ((ABS)) : penunjuk ABS akan menyala apabila suis pencucuh berada pada kedudukan 'ON'. apabila kelajuan penunggang melebihi 5km/j, penunjuk ABS akan terpadam. Jika sebaliknya berlaku, maka terdapat masalah pada sistem ABS tersebut.
3. Penunjuk Lampu Sinar Tinggi : Lampu sinar tinggi akan menyala apabila suis sinar lampu tinggi dihidupkan.
4. Penunjuk Neutral : Apabila transmisi dalam Neutral, penunjuk Neutral akan menyala - 'N' dalam panel meter utama & O akan dipaparkan dalam panel meter kedua.
5. Penunjuk Kerosakan Komponen () : Ia akan berkelip sekiranya terdapat kerosakan yang dikesan dalam fungsi oleh komponen sistem FI.
6. Penunjuk Isyarat Belok (kanan & kiri) : Lampu penunjuk isyarat belok akan berkelip apabila suis isyarat belok dihidupkan sama ada ke kiri atau ke kanan.
7. Speedometer : Speedometer menunjukkan kelajuan penunggang dalam unit km per jam (km/h).
8. Penunjuk Had Kelajuan Enjin RPM : Ia akan mengingatkan penunggang supaya memandu dalam kelajuan had RPM enjin yang selamat.
Dalam jangka awal 2000 km (Running in period)
 - Penunjuk had laju RPM berkelip pada 6700 ke 7000 RPM
 - Penunjuk had laju RPM terus bersinar jika RPM melebihi 7000 km.
Lebih dari 2000 km
 - Penunjuk had laju RPM berkelip pada 9200 ke 9500 RPM
 - Penunjuk had laju RPM terus bersinar jika RPM melebihi 9500 km
9. Logo Bajaj : Logo Bajaj akan menyala apabila suis 'ON'.
10. Penunjuk Bahan Api : Ia menunjukkan paras bahan api dalam tangki petrol.
11. Penunjuk Bahan Api Rendah :
 Bar bahan api = 1 - Bar 1 bercahaya & simbol

bahan api rendah berkelip

Bar bahan api = < 1 - Bar 1 & simbol bahan api

rendah berkelip kedua-duanya

Bar bahan api = 2 - Simbol bahan api rendah bersinar

12. Penunjuk Penggera Generik (\triangle) : Ia akan tetap berterusan ON apabila mesej penggera = 1, ia akan berkelip jika mesej penggera lebih daripada 1.
13. Penggera / mesej maklumat akan dipaparkan pada panel meter utama dalam format Dot Matrix. (Sila rujuk jadual dibawah)

Mesej Penggera


Keutamaan	Penggera Maklumat	Komponen yang berkaitan
1	ECU CAN Communication Failure (ECU CAN Gagal Berkomunikasi)	ECU CAN gagal
2	ABS CAN Communication Failure (ABS CAN Gagal Berkomunikasi)	ABS CAN gagal
3	S CAN Communication Failure (S CAN Gagal Berkomunikasi)	Panel meter kedua CAN gagal
4	Engine Kill ON (Suis Pemati Enjin ON)	Suis Pemati Enjin
5	Side Stand Down (Penyokong Sisi Diturunkan)	Penyokong sisi
6	Low Oil Pressure (Tekanan Minyak Rendah)	Tekanan minyak
7	High Coolant Temperature (Suhu Penyejuk Tinggi)	Suhu Penyejuk
8	Low Battery (Battery voltage 11.5VDC for more than 60 sec) Bateri Lemah (Voltan bateri 11.5VDC untuk lebih daripada 60 saat)	Caj Bateri
9	Low Fuel Level (Fuel bars=2) Tahap Bahan Api Rendah (Bar bahan api=2) REFUEL (Fuel bars=1) MENGISI MINYAK (Bar bahan api=1)	Tahap bahan api
10	Fuel level sensor failure (open or short circuit in fuel level sensor) Kegagalan sensor tahap bahan api (terbuka atau litar pintas pada sensor tahap bahan api)	Sensor tahap bahan api gagal
11	Coolant Sensor Failure (Sensor Penyejuk Gagal)	Sensor suhu penyejuk gagal
12	Service Reminder with service icon (Peringatan Servis dengan simbol servis)	Peringatan Servis

NOTA

Selepas 'ON' suis utama, penunjuk berikut akan sentiasa 'ON' sehingga enjin dihidupkan.

Penunjuk ABS | Penunjuk Kerosakan Komponen

SISTEM BREK ANTI-KUNCI (ABS)



Sentiasa pastikan jarak yang selamat antara anda dan objek yang akan datang. Kelajuan kenderaan perlu dikurangkan mengikut keadaan jalanraya. Jarak membrek untuk motosikal yang dilengkapi dengan sistem brek anti-kunci mungkin lebih panjang daripada motosikal yang tidak dilengkapi dengan ABS diatas jalan raya yang kasar. Semasa keadaan ini, kelajuan kenderaan perlu dikurangkan. Apabila anda melakukan brek depan / brek belakang di bawah keadaan yang boleh mengunci roda, anda merasakan sensasi yang sepadan (denyutan) pada tuil brek depan / pedal brek belakang. Ini adalah perkara biasa dan ini bermakna ABS anda aktif.

Juga disarankan untuk menggunakan kedua-dua brek depan & belakang pada masa yang sama.

Sentiasa perlahan apabila mengambil selekoh. Sistem brek anti-kunci tidak dapat mengelakkan kemalangan akibat kelajuan yang berlebihan.

Sekiranya lampu amaran ABS ON dan kekal ON, anda mungkin menghadapi masalah dengan ABS. Walau bagaimanapun, dalam keadaan ini, brek anda tetap akan berfungsi dengan normal tanpa fungsi ABS.

ARAHAN

Hanya dalam kes, penunjuk kerosakan komponen, penunjuk ABS, penunjuk amaran cecair penyejuk, penunjuk amaran bateri dan penunjuk amaran minyak enjin menyala dalam speedometer, bawa kenderaan ke pusat servis Modenas terdekat atau wakil sah servis / pengedar untuk pemeriksaan / pembaikan.

TETAPAN METER DIGITAL KEDUA



PERINGATAN SERVIS (🔧)

Simbol 'Spanar' akan menyala apabila bacaan ODO meter mencapai kilometer yang telah ditetapkan.

Simbol akan menyala pada setiap-

1st : 450 Km 2nd : 4450 Km
3rd : 9450 Km 4th : 14450 Km

& seterusnya pada setiap 5000 Km.

NOTA

Bawa motosikal ke pusat servis Modenas atau wakil sah servis / pengedar untuk membuat pelarasan peringatan servis.


PELARASAN TRIP METER

- Butang Mod & Set disediakan untuk memilih dan melaras semula 'ODO/TRIP1/TRIP2'.

1.	Tekan butang Mod kurang dari 2 saat.	Mod akan berubah dari 'ODO/TRIP1/TRIP2'
2.	Tekan butang Mod lebih dari 5 saat	Pilihan 'TRIP1/TRIP2' akan ditetapkan semula. TRIP mod yang lain akan dikemaskini berterusan.



Simbol
peringatan servis




PELARASAN JAM

- Jam digital memaparkan masa dalam jam & minit dipisahkan oleh simbol ':'
- Ia adalah sistem 12 jam
- Pada mulanya ':' akan berkelip
- Tetapan jam boleh dilakukan dalam mod TRIP 1 sahaja .

1.	Tekan butang 'Mode' kurang dari 2 saat.	Mod TRIP1 dipilih
2.	Tekan butang 'mode' & 'Set' secara serentak lebih dari 2 saat.	Simbol ':' berhenti berkelip Nombor digit mula berkelip
3.	Tekan butang 'mode' kurang dari 1 saat.	Nombor digit 'Jam' akan bertambah.
4.	Tekan butang 'Set' kurang dari 1 saat.	Nombor digit 'Minit' akan bertambah.
5.	Tekan butang 'Mode' & 'Set' secara serentak kurang dari 1 saat.	Nilai yang ditetapkan akan disimpan. Keluar dari mod pelarasan jam. Digit berhenti berkelip & simbol ':' mula berkelip.
6.	Penetapan 'Mode' jam digital dipilih & biarkan sahaja selama lebih 5 saat.	Keluar auto tanpa menyimpan nilai yang ditetapkan. Jika rpm enjin / kenderaan diberikan maka sistem akan keluar dari mod set jam tanpa menyimpan nilai set.

PENGECAS TELEFON MUDAH ALIH



Soket pengecas telefon mudah alih disediakan berhampiran suis pencucuhan sebagai kelengkapan OEM.

Soket pengecas telah disediakan dengan penutup untuk melindungi soket pengecas daripada kemasukan habuk & air. Sentiasa pastikan penutup pengecas ditutup rapat pada soket apabila ia tidak digunakan.

Pengecas boleh digunakan untuk mengecas telefon mudah alih hanya dalam keadaan enjin sedang berjalan sahaja.

Pengecas telefon mudah alih ini akan membekalkan keluaran voltan hanya dalam keadaan enjin sedang berjalan sahaja.


Pelanggan harus menggunakan wayar USB yang boleh digunakan untuk pengecasan telefon mudah alih.

AWAS

- Jangan menggunakan telefon bimbit ketika menunggang.
- Sila pastikan penutup soket pengecas tertutup rapat pada soket ketika mencuci atau pun sekiranya hujan.



PEMASANGAN PEMEGANG UNIT NAVIGASI TELEFON MUDAH ALIH




Peruntukan bagi pemasangan unit pemegang navigasi telefon mudah alih disediakan diatas ODO meter sebagai kelengkapan OEM.



Pelanggan perlu membeli pemegang telefon mudah alih dipasaran tempatan dan memasangkan pada pemegang unit navigasi. Rujuk ilustrasi gambar.

⚠️ AWAS : Berat maksima pemegang dan alat mudah alih yang dibenarkan adalah 700gm.


Ketika menunggang, telefon mudah alih hanya boleh digunakan bagi navigasi GPS sahaja. (menggunakan telefon mudah alih selain navigasi, ia akan membahayakan keselamatan penunggang.



⚠️ AWAS : Pastikan pemegang telefon mudah alih yang anda sediakan agar ia terjamin kukuh.

NOTA Pihak MODENAS tidak akan bertanggungjawab keatas sebarang kerosakan telefon mudah alih yang dipasangkan pada motosikal anda.

SUIS KAWALAN KANAN



A. Suis Lampu Utama

Ia mempunyai 2 posisi.

☸	Mod Lampu "Pilot"
☀	Mod Lampu Utama

B. Suis Penghidup Elektrik

Tekan suis penghidup elektrik untuk menghidupkan. Disyorkan untuk menghidupkan enjin dengan transmisi neutral.

Kenderaan dalam gear - Tekan tuil klac & tekan suis penghidup elektrik untuk menghidupkan enjin.

C. Suis Pemati Enjin









Suis pemati enjin digunakan untuk suis enjin ON & OFF.

⊗	Enjin OFF
⊙	Enjin ON


LAMPU HADAPAN AUTOMATIK & OPERASI

NOTA

- Kenderaan anda mempunyai ciri-ciri keselamatan yang bertukar ON lampu secara automatik, apabila enjin dihidupkan. Ini memberikan penglihatan yang lebih baik kepada pengguna jalan lain.
- Semasa menunggang, mod sinar rendah atau mod sinar tinggi boleh di'ON'kan dengan melaraskan suis pemilih.

Suis Pencucuh	Enjin	Suis Lampu	Sinar Rendah/Tinggi Suis Pemilih	Lampu Berikut akan Menyala	Kesan Jika Suis 'Passing' ditekan
 ON (?)	OFF	 Sebarang Kedudukan ☀ OR ☹	 Sebarang Mod ☹ ↑ OR ☹ ↓	Lampu Posisi Hadapan Lampu Belakang Lampu No Plat. Belakang Pencahayaannya Kawalan Suis Pencahayaannya Meter Digital	Lampu Hadapan Sinar Tinggi & Rendah juga akan menyala.
	Started	 Kearah Kanan ("Pilot mode")	 Sebarang Mod ☹ ↑ OR ☹ ↓	Lampu Posisi Hadapan Lampu Belakang Lampu No Plat. Belakang Pencahayaannya Kawalan Suis Pencahayaannya Meter Digital Sinar Tinggi Lampu Hadapan	Lampu Hadapan Sinar Rendah juga akan menyala.
		 Kearah Kiri ("Headlight mode")	 Mod sinar rendah (☹)	Lampu Posisi Hadapan Lampu Belakang Lampu No Plat. Belakang Pencahayaannya Kawalan Suis Pencahayaannya Meter Digital Sinar Rendah Lampu Hadapan	Lampu Hadapan Sinar Tinggi juga akan menyala.
			 Mod sinar Tinggi (☹)	Lampu Posisi Hadapan Lampu Belakang Lampu No Plat. Belakang Pencahayaannya Kawalan Suis Pencahayaannya Meter Digital Sinar Tinggi & Rendah Lampu Hadapan	Tiada Kesan

Suis Kawalan Kiri



SUIS HENDAL KANAN

D. Suis Laras Sinar Tinggi / Rendah

Tetapkan suis laras sinar Tinggi pada kedudukan sinar lampu Tinggi atau sinar lampu Rendah seperti berikut:

☰ : Sinar Tinggi ☷ : Sinar Rendah

E. Suis Isyarat Belok

Apabila suis isyarat belok ditolak ke Kiri (☞) atau ke Kanan (☜) masing-masing lampu isyarat belok mula berkelip.

Untuk memadam lampu isyarat belok, tolak suis ke dalam dan lepaskan.

F. Suis Hon

(☎) Tekan suis hon untuk membunyikan hon.

G. Suis Lampu “Passing”


Tekan suis lampu “Passing” untuk kelipkan lampu hadapan. Ianya digunakan bagi memberi isyarat kepada kenderaan di hadapan semasa memotong.

Pembukaan Tempat Duduk Hadapan & Belakang / Beg Alatan



Tempat Duduk Belakang

- Masukkan kunci (A)
- Pusingkan kunci mengikut arah jam.
- Angkat bahagian hujung belakang 'Tempat Duduk Belakang'
- Tarik bahagian belakang 'Tempat Duduk Belakang'.
- Keluarkan 'Tempat Duduk Belakang'.



Tempat Duduk Hadapan

- Pertama, keluarkan 'Tempat Duduk Belakang'.
- Keluarkan bolt pemasangan (B).
- Tarik hujung 'Tempat Duduk Hadapan' ke belakang.
- Keluarkan 'Tempat Duduk Hadapan'.


LOKASI BEG ALATAN

- Lokasi beg alatan terletak di bawah tempat duduk belakang.
- Tali getah disediakan untuk mengikat beg alatan .





Beg Alatan

Pemasangan Tempat Duduk Hadapan & Belakang



Tempat Duduk Hadapan


- Masukkan pendakap 'Tempat Duduk Hadapan' (A) dengan slot (B), Pastikan terdapat "rubber damper" di tengah tempat duduk hadapan.
- Tolak 'Tempat Duduk Hadapan' ke arah tangki petrol.
- Masukkan 'bolt' ke dalam lubang pendakap belakang 'Tempat Duduk Hadapan'(C), dan ketatkan 'bolt' (D).



Tempat Duduk Belakang

- Pastikan 'Tempat Duduk Hadapan' dipasang dengan betul.
- Pastikan 'Beg Alatan' terletak dengan betul.
- Letakkan 'Tempat Duduk Belakang' di lokasi yang sepadan.
- Masukkan pendakap 'Tempat Duduk Belakang' (E) dengan slot (F).
- Masukkan "pin lock" (G) tempat duduk ke dalam "seat lock" (H).
- Tekan bahagian hujung tempat duduk belakang dari atas.

PEMEGANG CEKAU



Pemegang cekau telah disediakan dibahagian belakang tempat duduk pembonceng sebagai kelengkapan OEM.

⚠️ AWAS :

- Pemegang cekau tidak boleh digunakan untuk mengangkat motosikal dari sisi belakang kerana ia akan menyebabkan kerosakan pada pemegang cekau.
- Berat maksima tidak lebih dari 7kg. (Termasuk peti Top Case). Tidak melebihi had maksima dibenarkan kerana ia akan menyebabkan kerosakan pada pemegang cekau.

Pelanggan hendaklah membeli kotak peti simpanan (Top Case) yang dilengkapi bersama tapak plat dari pasaran tempatan, jenama disyorkan pembuatan adalah GIVI E300 N2.

Sebelum pemasangan dilakukan keatas pemegang cekau, tempat penyandar belakang mestilah ditanggalkan terlebih dahulu.

⚠️ AWAS :

Pastikan kotak peti simpanan dipasangkan pada pemegang cekau agar ia tidak menghalang kedudukan pembonceng.



Pemeriksaan Sebelum Perjalanan

Sebelum menunggang motosikal pastikan anda membuat pemeriksaan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Sekiranya sebarang kerosakan ditemui semasa pemeriksaan ini, rujuk kepada bab Penyelenggaraan & pusat servis Modenas untuk tindakan yang diperlukan bagi mengembalikan motosikal kepada keadaan operasi yang selamat.




Amaran: Kegagalan melakukan pemeriksaan ini setiap hari sebelum anda menunggang boleh menyebabkan kerosakan serius atau kemalangan.

- Periksa paras bahan api yang cukup untuk jarak perjalanan yang dirancang. Tiada kebocoran bahan api didalam sistem bahan api.
- Periksa paras minyak enjin diantara paras maksima dan minima dan pastikan motosikal pada kedudukan tegak.
- Gerak bebas pendikit ialah 3 mm. Pastikan operasi dan gerakan pendikit lancar.
- Periksa paras bendalir brek diantara "MIN" dan "MAX" pada takungan bendalir brek hadapan dan belakang dan pastikan tiada kebocoran.

- Periksa ketegangan rantai pemacu diantara 20 ~ 30 mm dilincirkan dengan baik menggunakan penyembur pelinciran.
- Pastikan semua lampu dan hon berfungsi.
- Pastikan gerak bebas tuil klac - 3 mm
- Periksa paras kandungan cecair penyejuk antara "MIN" dan "MAX" dalam tangki takungan cecair penyejuk ketika keadaan motosikal menegak.
- Pastikan pergerakan hendal lancar tanpa gangguan.
- Periksa angin tayar hadapan dan belakang secukupnya mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan pastikan keadaan bunga tayar tidak merekah / haus.
- Betulkan pelarasan cermin sisi.
- Pengelap kain tidak boleh disimpan disekitar zon yang bersuhu tinggi contohnya, radiator, enjin, peredam bunyi, penghidup motor dll.
- Pengelap kain boleh diikat bersama beg alatan terletak di bawah tempat duduk belakang.



Bagaimana Menunggang Motosikal



Corak pertukaran gear

1. Menghidupkan Enjin

- Putarkan suis utama ke kedudukan 'P'.
- Tekan suis mematikan enjin ke kedudukan 'Q'.
- Pastikan transmisi dalam keadaan neutral / tarik tuil klac jika transmisi dalam keadaan bergear.
- Pastikan pendikit ditutup sepenuhnya & tekan suis penghidup elektrik.
- Lepaskan suis penghidup elektrik sebaik sahaja enjin hidup.



Awas: Jangan tekan suis penghidup elektrik secara berterusan selama lebih dari 5 saat, jika tidak bateri akan lemah.

21

Tunggu 15 saat antara setiap operasi penghidup elektrik bagi membantu bateri untuk pulih.

NOTA

Motosikal ini dilengkapi dengan suis Klac. Suis ini memastikan enjin tidak dihidupkan jika transmisi dalam gear. Walau bagaimanapun, enjin boleh dihidupkan dalam sebarang gear jika tuil klac ditarik.

NOTA

Jika bateri dalam keadaan lemah, motosikal boleh dihidupkan dengan menolaknya.

Apabila enjin dihidupkan, panaskan enjin motosikal kira-kira seminit secara melahu supaya minyak enjin sampai ke semua bahagian enjin. Elakkan memulakan perjalanan sebaik sahaja enjin dihidupkan.

2. Memasukkan Gear

- Pastikan penyokong sisi diangkat.
- Tutup pendikit & tarik tuil klac.
- Masukkan gear 1st.

3. Bergerak Keluar

- Untuk menggerakkan motosikal, buka pendikit dan lepaskan tuil klac perlahan-lahan secara serentak. Apabila motosikal mula bergerak, tambahkan bukaan pendikit bagi mengelakkan enjin mati.
- Sila rujuk jadual kelajuan yang disyorkan untuk menganjak ke gear lebih rendah. (m/s 19)

Kelajuan yang Disyorkan Untuk Menganjak ke Gear Lebih Rendah

Dari Gear 6 th ke 5 th	71 km/h
Dari Gear 5 th ke 4 th	59 km/h
Dari Gear 4 th ke 3 rd	48 km/h
Dari Gear 3 rd ke 2 nd	37 km/h
Dari Gear 2 nd ke 1 st	22 km/h

4. Membrek

- Tutup pendikit sepenuhnya, lepaskan klac (kecuali di mana gear beralih) supaya brek enjin akan membantu memperlahankan motosikal.
- Anjakan satu gear ke bawah satu per satu supaya anda berada dalam Neutral apabila anda berhenti sepenuhnya.
- Apabila berhenti, sentiasa gunakan kedua-dua brek pada masa yang sama.



Amaran : Bila menganjakkan gear kepada gear yang lebih rendah, jangan menganjak semasa kelajuan enjin (rpm) yang tinggi. Ia bukan sahaja boleh merosakkan enjin malah boleh menyebabkan roda belakang tergelincir dan boleh mengakibatkan kemalangan.

5. Mematikan Enjin Motosikal

- Tutup pendikit sepenuhnya.
- Tukar transmisi kepada neutral.
- Hentikan motosikal sepenuhnya.
- Penyokong sisi diturunkan.
- Tekan suis mematiakn enjin ke kedudukan 'OFF'.
- Tutup suis utama 'OFF'.

6. Break-In

- "Break-in" sangat penting pada motosikal baharu untuk hayat yang lebih lama dan bebas kerosakan.
- Dalam tempoh 2000 km pertama 'break-in' tidak melebihi had kelajuan yang disyorkan. (rujuk m/s 20)

Jarak Perjalanan (Km)	Kelajuan Motosikal (Km/h)					
	1st	2nd	3rd	4th	5th	6th
0 - 1000	10	20	30	40	50	60
1000 - 2000	20	30	40	50	60	70

- Sentiasa jaga kelajuan di bawah had yang dinyatakan dalam jadual.
- Jangan buka pendikit dengan berlebihan secara mengejut

7. Meletak Motosikal

- Motosikal ini tidak mempunyai penyokong tengah
- Letak motosikal di tempat rata dan kukuh dengan menggunakan penyokong sisi.
- Kunci hendal (posisi kiri) untuk mengelakkan kecurian.




AWAS

1. Jangan letak pada permukaan yang lembut atau curam kerana motosikal mungkin akan terbalik.
2. Sentiasa pastikan penyokong sisi diangkat sebelum memulakan perjalanan.

Enjin akan mati jika motosikal cuba ditunggang dengan penyokong sisi dalam posisi kebawah (belum diangkat) dan mesej 'penyokong sisi diturunkan' akan dipaparkan pada meter digital utama.

3. Jika suhu cecair penyejuk melebihi 110°C, mesej penggera 'Suhu Penyejuk Tinggi' akan dipaparkan pada meter digital utama yang menunjukkan enjin terlalu panas.
Sekiranya motosikal dalam keadaan suhu yang meningkat sehingga 115°C & ECU tidak akan membenarkan enjin motosikal beroperasi melebihi 4500 rpm.
4. Sentiasa kekalkan bahan api Min 3L dalam tangki bahan api untuk melancarkan fungsi pam.
5. Sentiasa pastikan bahan api yang digunakan adalah RON 95 dan ke atas untuk mengekalkan fungsi motosikal yang lancar.
6. Motosikal ini mempunyai 'A & S klac' baru (Assist & sleeper). Sistem ini menyebabkan, daya yang sangat sedikit diperlukan untuk operasi tuil klac.
Denyutan sedikit dirasakan pada tuil klac. Ini adalah normal & menandakan 'A & S clutch' berfungsi dengan baik.
7. 'Output' kuasa lampu depan hanya 20W max & oleh itu lampu yang berfungsi berterusan tidak akan merosakkan / mengurangkan hayat bateri.

Tabiat Menunggang Yang Baik



- Sentiasa mengisi petrol RON 95 dan keatas di pam stesen untuk mengekalkan prestasi motosikal yang optimum.
- Sentiasa kekalkan bahan api Min 3 L dalam tangki petrol untuk melancarkan fungsi pam.
- Sentiasa pastikan tekanan udara tayar yang disyorkan.
- Sentiasa mengekalkan paras minyak / penyejuk enjin antara paras MIN & MAX dgn mengekalkan kedudukan motosikal dalam keadaan tegak
- Tunggang dengan lancar dan mantap pada kelajuan memandu optimum 40 hingga 50 Km/j
- Elakkan brek mengejut.
- Sentiasa memakai kedua-dua brek secara serentak.
- Sentiasa pastikan tahap bendalir brek di kedua-dua takungan depan & belakang melebihi tanda MIN.
- Tukar gear mengikut keperluan kelajuan dan beban.
- Menunggang secara berhemah.

- Matikan enjin jika anda mahu berhenti selama lebih daripada dua minit.
- Tarik tuil klac sepenuhnya sambil mengalihkan gear.
- Sentiasa pastikan bateri dicas sepenuhnya.

Bagaimana untuk menyemak jarak perbatuan (Kecekapan Bahan Api)

Cara terbaik untuk mengira jarak perbatuan ialah dengan mengikuti kaedah tangki penuh ke tangki penuh.

- Isi bahan api sehingga penuh.
- Tunggang motosikal dalam jarak 100 km (Contoh).
- Isikan semula bahan api di stesen pengisian bahan api yang sama, mungkin dengan pam yang sama.
- Bahagikan jarak perjalanan / bahan api diisi.

Tips Menunggang Selamat & Penjagaan Motosikal

Tips Menunggang Selamat


- Sentiasa memakai topi keledar semasa memandu atau menunggang. Topi keledar anda harus mematuhi standard keselamatan yang sesuai.
- Baca dengan teliti arahan yang diberikan dalam manual ini dan ikuti dengan teliti.
- Elakkan aksesori yang tidak diperlukan untuk keselamatan kedua-dua penunggang dan pemandu lain.
- Patuhi dan ikuti peraturan dan papan tanda lalu lintas dinegeri anda.
- Biasakan diri anda dengan motosikal semasa permulaan, pecutan dan membrek.
- Apabila menggunakan brek, gunakan kedua-dua brek depan & belakang pada masa yang sama. Menggunakan hanya satu brek boleh menyebabkan hilang kawalan.
- Menunggang pada kelajuan yang betul dan mengelakkan pecutan dan brek yang tidak perlu adalah penting bukan sahaja untuk keselamatan dan penggunaan bahan api yang rendah, tetapi juga untuk jangka hayat motosikal.
- Semasa musim hujan, tunggang motosikal dengan lebih berhati-hati. Motosikal akan tergelincir dengan lebih mudah semasa hujan.

- Rancang perjalanan anda dengan lebih awal supaya sampai ke destinasi anda dengan selamat.
- Sentiasa membawa cukai jalan dan lesen memandu yang sah bersama anda.
- Elakkan memandu di atas pasir atau batu di mana motosikal mungkin tergelincir.
- Sentiasa beri tumpuan dan perhatian untuk keselamatan.

Penjagaan Motosikal

- Sekiranya motosikal terdedah dengan hujan, pembersihan perlu dilakukan dengan air biasa bagi mengelakkan karat.
- Pembersihan kenderaan hendaklah dilakukan dengan kain basah yang lembut & bersih untuk mengelakkan calar pada bahagian yang dicat.
- Bersih & lincirkan semua bahagian penting seperti tertera dalam carta penyelenggaraan berkala.
- Jangan gunakan jet air pada bahagian yang dicat, elektrik / elektronik.
- Jangan menghalang penyejukan enjin dengan menambah lembaran perlindungan lumpur dari hadapan.
- Elakkan menunggang di atas pasir atau batu yang boleh menyebabkan kenderaan terbabas.
- Sentiasa fokus kepada tunggangan dan utamakan keselamatan.

Minyak Enjin



A: Penutup Pengisi Minyak

B : Tolok Paras Minyak

Pemeriksaan Aras

- Periksa paras minyak enjin setiap kali hendak menunggang. Letakkan motosikal secara menegak. (dalam keadaan enjin sejuk).
- Periksa paras minyak enjin melalui tolak paras minyak 'B'.
- Sentiasa kekalkan paras minyak enjin diantara tanda atas (C) dan rendah (D) yang disediakan pada Penutup klac "RH". Tambah dengan minyak enjin gred yang disyorkan sekiranya minyak enjin berada di bawah paras (D).

Kapasiti Minyak Enjin

- Apabila menukar minyak dan penapis sahaja : 1.7 Liters
- Enjin kering sepenuhnya: 1.95 Liters




AWAS: Amat penting untuk mematuhi gred yang disyorkan & kekerapan pertukaran minyak enjin yang dicadangkan untuk tujuan jangka panjang komponen enjin yang kritikal. Untuk maklumat rujuk carta penyelenggaraan berkala (m/s 32).

Minyak Enjin Yang Disyorkan:

Sentiasalah menggunakan minyak enjin yang disyorkan untuk prestasi yang optimum & faedah waranti. Ia adalah minyak enjin yang disyorkan untuk Dominar 400.

Model	Minyak Enjin Yang Disyorkan	Gred
Dominar 400 UG	10W50	SAE 10W50 API 'SN' or JASO 'MA2'



C : Had paras minyak enjin atas D : Had paras minyak enjin bawah

- **Kekerapan penggantian minyak enjin: Servis (500-750)km & setiap 5,000Km.**
- **Kekerapan Penambahan Minyak Enjin: Setiap 2500km**

Tayar Tanpa Tiub & Tekanan Angin Tayar



Tayar Tanpa Tiub

Kelebihan utama tayar tanpa tiub adalah apabila terkena tusukan dengan benda tajam, kadar kebocoran udara sangat kurang, oleh itu pelanggan dengan mudah menunggang motosikal ke kedai terdekat untuk pembaikan.

NOTA

Pemasangan tayar yang tidak sesuai boleh memberi kesan kepada pengendalian dan kestabilan. Untuk keselamatan, gunakan saiz dan jenis tayar yang disyorkan. Pastikan tekanan angin tayar mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Tekanan Angin Tayar

Pastikan tekanan tayar yang sesuai seperti yang dinyatakan di bawah untuk meningkatkan keselamatan, jangka hayat & untuk penggunaan bahan api yang lebih baik.

Dominar 400	Hadapan	2.04 kg/cm ² (29 PSI)
	Belakang (Seorang)	2.25 kg/cm ² (32 PSI)
	Belakang (Dengan Penumpang)	2.25 kg/cm ² (32 PSI)

Bateri



12V - 8 Ah VRLA (valve-regulated lead-acid)

- Bateri terletak di bawah tempat duduk hadapan.

Ciri-Ciri Bateri

- Tiada isian semula diperlukan (Maintenance Free).
- "Self discharge" kurang, keselamatan meningkat.
- Tiada tiub bateri terbuka ke atmosfera oleh itu tiada pelepasan elektrolit melalui tiub bateri.

AWAS

Jangan menunggang motosikal dalam keadaan bateri tidak bersambung. Ia boleh mengakibatkan kerosakan komponen elektrik / elektronik.

- Penjagaan alam sekitar mesti diambil kira untuk membuang bateri yang digunakan.
- Adalah disyorkan untuk menyerahkan bateri kepada pihak berkenaan yang berlesen untuk pelupusan yang betul.
- Apabila 'penunjuk bateri rendah' muncul dalam paparan penunjuk panel meter kedua, sila berhubung dengan pusat servis atau pengedar sah Modenas & cas bateri segera.

Penjagaan Bateri Yang Betul

- 'Off' suis utama apabila enjin tidak dihidupkan. Periksa bateri mengikut carta penyelenggaraan berkala.
- Jangan tekan suis penghidup elektrik untuk lebih daripada 5 saat. Selepas 3 "cranking" berturut-turut, tunggu 15-20 saat untuk bateri pulih.
- Jangan tambah aksesori elektrik tambahan yang tidak sepatutnya. Ini akan mengurangkan jangka hayat bateri & boleh merosakkan ECU.
- Putuskan sambungan bateri + ve & -ve jika kenderaan disimpan selama lebih dari 2 minggu. Ini mengelakkan "self discharge".

Sistem Penyejuk Enjin




Penunjuk Paras Cecair Penyejuk

- Cecair penyejuk disediakan untuk penyejukan enjin.
- Pam air di enjin mengedarkan cecair penyejuk dalam sistem penyejukan.
- Tekanan yang disebabkan oleh pemanasan sistem penyejukan dikawal oleh injap dalam penutup radiator (A).
- Pengembangan haba menyebabkan cecair penyejuk berlebihan mengalir ke tangki pengembangan.
- Apabila suhu cecair penyejuk turun, cecair penyejuk lebihan ini disedut kembali ke sistem penyejukan.
- Kipas penyejuk disediakan untuk penyejukan cecair penyejuk yang diedarkan melalui sirip radiator.

NOTA

Kipas akan berfungsi apabila suhu sampai 95.3°C dan berhenti pada 90°C. Ini adalah keadaan biasa & ia menunjukkan sistem penyejukan berfungsi dengan baik.



⚠️

Amaran:

Semasa operasi, cecair penyejuk sangat panas & berada di bawah tekanan. Jika terbakar, bilas segera dengan air. Jangan keluarkan penutup radiator, hos radiator atau lain-lain komponen sistem penyejukan apabila enjin panas. Biarkan sistem enjin & penyejukan untuk sejuk.

Cecair Penyejuk

⚠️ Amaran:

Cecair penyejuk beracun dan menyebabkan bahaya kesihatan. Elakkan sentuhan antara cecair penyejuk & kulit, mata dan pakaian. Jika ia masuk ke dalam mata anda, bilas segera dengan air dan hubungi doktor.

Cuci kawasan kulit yang terjejas dengan segera dengan sabun dan air. Jika cecair penyejuk ditelan, hubungi doktor dengan serta-merta. Ubah baju yang bersentuhan dengan penyejuk. Jauhkan cecair penyejuk dari kanak-kanak.

Spesifikasi Cecair Penyejuk

Cecair Penyejuk
(Jenama yang disyorkan-
Motul : Moto cool expert, Castrol : Radicool
Jumlah Kuantiti Cecair Penyejuk : 1.0 L
Radiator : 0.75 ~ 0.78 L
Takungan Cecair Penyejuk : 0.22 ~ 0.23 L



Penutup
Takungan
Cecair
Penyejuk (A)

Tetingkap Paras
Cecair Penyejuk

Penambahan Cecair Penyejuk

- Periksa kandungan cecair penyejuk dalam keadaan motosikal tegak. Buka skru 2 nos untuk mengakses penutup takungan cecair penyejuk.
- Periksa paras cecair penyejuk ketika enjin sejuk sahaja.
- Pastikan paras cecair penyejuk antara paras Min & Max.
- Sentiasa tambah cecair penyejuk melalui penutup (A).
- Sentiasa gantikan cecair penyejuk dengan cecair penyejuk yang disyorkan sahaja.
- Gunakan sarung tangan getah semasa menambah cecair penyejuk.
- Jangan tambah cecair penyejuk melalui penutup radiator.

Maklumat Penyelenggaraan Berkala



A

B

Palam Pencucuh

- Keluarkan palam pencucuh dengan menggunakan alatan palam pencucuh.
- Bersihkan palam pencucuh pada setiap 10,000 Km.
- Sesuaikan jarak kelegaan seperti dibawah:

Jarak Kelegaan : 0.8 to 0.9 mm.

Palam Pencucuh

(2 Nos.) : CHAMPION (PRG6HCC) / BOSCH (UR6CE)
(LH 'A' + RH 'B')

(1 No.) : CHAMPION (RER6YCA) / BOSCH (YR5NEO)
(Center 'C')


Ketegangan Rantai Pemacu

- Ketegangan rantai pemacu perlu dilincirkan setiap 500 Km (m/s 33).
- Ketegangan rantai pemacu adalah 20 ~ 30 mm.
- Pastikan penanda pada "adjusters" rantai harus sama dengan kedudukannya di kiri dan kanan.



Pastikan nat gandar belakang diketatkan selepas rantai pemacu dilaraskan.

Daya kilas nat gandar: 9 hingga 11 Kgf.m



Kaedah Pelinciran Rantai “O-ring”

- Letak motosikal tegak. Bersihkan rantai dengan menggunakan kain bebas habuk.
- Goncang tin semburan minyak rantai sehingga bunyi bebola keluli didengari seragam.
- Pegang tin semburan di belakang “rear sprocket” dengan “extension tube nose” dalam jarak 5~10 cm.
- Pusingkan tayar ke arah belakang & semburkan pelincir pada bahagian tengah rantai sehingga penuh.

Pembersihan Rantai Pemacu


Rantai Pemacu (O-ring)

Rantainya mesti dibersihkan & dilincirkan seperti jadual penyelenggaraan berkala (rujuk m/s 33).

- Pastikan “O-ring” sentiasa basah untuk prestasi terbaik dan seterusnya lincirkan rantai pemacu setiap 500 Km.
- Pelinciran rantai “O-ring” dengan mudah boleh dilakukan oleh pemilik menggunakan minyak/semburan rantai yang berkualiti di pasaran.



Bendalir Brek/Penjagaan Lampu Hadapan



Takungan Bendalir
Brek Belakang

Takungan Bendalir
Brek Hadapan

Bendalir Brek

- Takungan bendalir brek hadapan terletak di sebelah kanan hendal.
- Takungan bendalir brek belakang terletak berdekatan pemijak kaki belakang.
- Letakkan motosikal secara menegak, dan periksa paras kandungan bendalir brek. Pastikan paras dalam keadaan sekata dengan melaraskan hendal.
- Sentiasa pastikan paras bendalir brek melebihi tanda 'MIN' yang diberikan pada takungan.
- Jika paras menurun, gunakan bendalir brek DOT-4 (dari bekas terkedap) untuk tambah dan ganti.

Penjagaan Lampu Hadapan

Pemeluwapan di dalam lampu hadapan adalah fenomena semula jadi.

Pemeluwapan berlaku apabila udara atmosfera yang mengandungi wap air memasuki lampu depan melalui lubang-lubang disebabkan oleh perubahan suhu. Lapisan kabus boleh terbentuk di permukaan dalam lensa lampu hadapan. Kabus nipis akan hilang dan keluar melalui lubang-lubang pada keadaan operasi normal.

Pemeluwapan & lapisan kabus lensa lampu hadapan mungkin berlaku semasa hujan atau selepas mencuci.

Pemeluwapan lembapan di dalam lensa lampu hadapan akan hilang secara beransur-ansur dengan 'ON' lampu sinar tinggi dan memandu pada kelajuan 30 hingga 40 Km/J selama 15 minit.

Masa untuk penyejatan akan berbeza-beza bergantung kepada kelembapan udara persekitaran.

NOTA

Sekiranya kabus di dalam lampu hadapan tidak menyejat, bawa motosikal tersebut ke pusat servis atau wakil sah Modenas untuk diperiksa.

Penggunaan 'Strap Bagasi' dengan "Bungee Cord"

PENGGUNAAN 'STRAP BAGASI' dengan "Bungee Cord"

Sekiranya disediakan, strap bagasi dibawah tempat duduk belakang, strap ini akan digunakan untuk 'bungee cord' bagi mengikat bagasi pada kenderaan.

Prosedur untuk menggunakan strap bagasi :

- Buka tempat duduk belakang & keluaran strap bagasi depan dan belakang. (rujuk gambar A)
- Letak semula tempat duduk belakang dalam kedudukannya (rujuk gambar B).
- Seterusnya anda boleh menggunakan strap bagasi dengan mencangkuk 'Bungee Cord' (tidak dibekalkan) untuk mengikat bagasi pada kenderaan. (Beban bagasi dibenarkan maksimum 15kg)

Berhati-hati :

Strap bagasi hanya boleh digunakan untuk mengikat beg bagasi atau seumpamanya seperti yang ditunjukkan dalam gambar (C & D). Jumlah berat keseluruhan beg dan kandungannya tidak boleh melebihi 15kg.

Semasa menggunakan strap, pengguna hendaklah memastikan bahawa langkah berjaga-jaga perlu diambil untuk memastikan bahawa :



- Beg bagasi / beg seimbang di tempat duduk dan diikat dengan baik menggunakan tali yang sesuai serta cukup kuat untuk tujuan itu.
- Bahagian kenderaan tidak rosak disebabkan oleh bagasi yang tidak sesuai atau disebabkan oleh perkakasan tambahan yang digunakan.

Tidak disyorkan menggunakan strap ini untuk membawa barang yang boleh merosakkan bahagian kenderaan atau menjejaskan kestabilan motosikal semasa memandu.

Waranti tidak terpakai bagi apa-apa kerosakan yang timbul disebabkan oleh bagasi terlebih berat, bucu tajam.

Apabila strap bagasi tidak digunakan ikuti langkah-langkah di bawah.

1. Strap depan hendaklah dilipat dengan velcro pada hujung strap & masukkan strap yang dilipat di bawah kerusi penumpang.
2. Strap belakang hendaklah dilipat dengan kemas & masukkan strap pada pencakuk.



Carta Penyelenggaraan Berkala

No.	Operasi	KEKERAPAN YANG DISARANKAN								Catatan
		Servis	1 st	2 nd	3 rd	Setiap 5000Km Selepas Servis Sebelumnya				
		Km	500 ~ 750	4500 ~ 5000	9500 ~ 10000					
1.	Bersihkan motosikal menggunakan air sabun yang bersesuaian dan keringkan									Pastikan air tidak memasuki tangki minyak, perendam bunyi dan sistem electric
2.	*Minyak Enjin	I,R	R	R	R	R	R	R	R	SAE 10W50 API 'SN' or JASO'MA2' Tambah setiap 2,500Km (jika perlu).
3.	Penapis Minyak Enjin		R		R		R		R	
4.	Penyaring Minyak & Evacuation Strainer	C	C	C	C	C	C	C	C	Bersihkan penyaring minyak enjin setiap kali minyak ditukar.
5.	Palam Pencucuh	C,I,A					C, I,A			Periksa,bersih & laras pada setiap 20,000Km Tukar setelah 40,000Km.
6.	Elemen Pembersih Udara	R					R			Tukar selepas setiap 20,000Km. Pembersihan tidak diperlukan.
7.	Saluran Penapis Bahan Api	R					R			Tukar selepas setiap 20,000Km.
8.	Paip Bahan Api	C,R					C,R			Tukar Jika Perlu.

Carta Penyelenggaraan Berkala

No.	Operasi	Servis Km	KEKERAPAN YANG DISARANKAN						Catatan	
			1 st	2 nd	3 rd	Setiap 5000Km Selepas Servis Sebelumnya				
9.	Kelegaan Injap	I, A					I, A		Periksa & laras pada setiap 20,000 km .	
10.	Pembersihan Penutup & Pelinciran Rantai Pemacu	C,L,A	C,L,A	C,L,A	C,L,A	C,L,A	C,L,A	C,L,A	Lincirkan minyak rantai pada setiap 500 Km.Tukar jika perlu.	
11.	Tiub Pengalir Penapis Udara	C			C		C	C	Bersihkan pada setiap 10000 km.	
12.	Pembersihan Lubang Saliran Perendam Bunyi	C		C	C	C	C	C		
13.	Pembersihan Hujung Paip Exzos.	C		C	C	C	C	C	Gunakan berus untuk membersihkan hujung paip exzos	
14.	Pin Pivot Brek Pedal	I,L,R	I	I,L,R	I,L,R	I,L,R	I,L,R	I,L,R	Gunakan minyak gris yang disyorkan.	
15.	Kehausan Pad Brek	I,R	I	I,R	I,R	R	I,R	I,R	R	Gantikan pad brek pada setiap 15000 Km
16.	Bendalir Brek	I,A,R				I,A			R	Gunakan bendalir brek yang yang disyorkan (DOT4)
17.	Sistem Brek Cakera - Periksa fungsi, kebocoran atau kerosakan.	I	I	I	I	I	I	I	I	

Carta Penyelenggaraan Berkala

No.	Operasi	KEKERAPAN YANG DISARANKAN								Catatan
		Service	1 st	2 nd	3 rd	Setiap 5000Km Selepas Servis Sebelumnya				
		Km	500 750	4500 5000	9500 10000					
18.	Semua Kabel - Gerak Bebas	I, A	I, A	I, A	I, A	I, A	I, A	I, A	I, A	
19.	Sambungan Litar Pendawaian & Bateri, Ikatan Pengikat dan Kekuatan Pengapit .	I,A,T	I,A,T	I,A,T	I,A,T	I,A,T	I,A,T	I,A,T	I,A,T	
20.	Pergerakan Hendal	I, A	I, A	I, A	I, A	I, A	I, A	I, A	I, A	
21.	Pembersihan Suis Pencucuh & Pengunci Hendal.	I,C	I,C	I,C	I,C	I,C	I,C	I,C	I,C	Gunakan semburan anti-karat & pelincir yang disyorkan.
22.	Bearing & Penutup Bearing (plastik)	I,C L,R			I,C L,R		I,C L,R		I,C L,R	Periksa,bersihkan, lincirkan & tukar jika rosak.
23.	Pin Penyokong Tepi	C,L			C,L		C,L		C,L	
24.	Bolt & Nut	I,T	I,T	I,T	I,T	I,T	I,T	I,T	I,T	Mengikut spesifikasi yang ditetapkan
25.	Pelinciran Umum - Tuil klac, tuil brek hadapan dan pedal brek	L	L	L	L	L	L	L	L	Gunakan minyak gris yang disyorkan.
26.	Paras Cecair Penyejuk	I,A	I,A	I,A	I,A	I,A	I,A	I,A	I,A	Gunakan cecair penyejuk yang sesuai.

Carta Penyelenggaraan Berkala

No.	Operasi	KEKERAPAN YANG DISARANKAN								Catatan
		Servis	1 st	2 nd	3 rd	Setiap 5000Km Selepas Servis Sebelumnya				
		Km	500 750	4500 5000	9500 10000					
27.	Kerosakan/Kebocoran Hos Cecair Penyejuk	I		I	I	I	I	I	I	Tukar jika perlu.
28.	Sirip Radiator	I		I	I	I	I	I	I	
29.	Pembersihan paip dalaman penyerap hentakan hadapan & penutup habuk	I,C	I,C	I,C	I,C	I,C	I,C	I,C	I,C	Habuk & lumpur yang terkumpul perlu dibersihkan kerap untuk ketahanan yang lebih baik

*Adalah disyorkan untuk menggunakan hanya minyak yang disyorkan MODENAS.

I: Periksa, A: Laraskan, C: Bersihkan, R: Gantikan, T: Ketatkan, L: Lincirkan/minyakkan

Perkara-perkara berikut dikenakan (tanggungan) pelanggan .

Minyak, cecair penyejuk, penapis, semua jenis gris, agen pembersih, kabel, komponen haus & lusuh, getah " O rings"/"oil seals"/pipe, gasket dan sebagainya.

Penyelenggaraan Motosikal “Long Storage”

Penyelenggaraan motosikal “Long Storage” perlu jika motosikal tidak digunakan untuk tempoh yang lama (lebih daripada 15 hari**). Penyelenggaraan yang betul dan berhati-hati yang dilakukan sebelum menyimpan motosikal akan menghalang motosikal daripada berkarat dan dari kerosakan bukan operasi lain seperti kebakaran.

- Bersihkan seluruh motosikal dengan teliti.
- Kosongkan bahan bakar dari tangki bahan api dan (jika bahan bakar dibiarkan dalam masa yang lebih lama, ia akan menyumbat saluran petrol).
- Tanggalkan palam pencucuh & letakkan beberapa titisan minyak enjin ke dalam silinder. Hidupkan enjin perlahan-lahan beberapa kali untuk salutkan dinding silinder dengan minyak & pasang semula palam pencucuh.
- Tetapkan motosikal pada kotak atau tongkat supaya kedua-dua tayar terangkat dari lantai.
- Sembur minyak pada semua permukaan logam yang tidak dicat untuk mengelakkan berkarat. Elakkan minyak pada bahagian getah atau pelapik brek.
- Tutup seluruh motosikal dengan kemas. Pastikan

kawasan penyimpanan mempunyai pengudaraan yang baik & bebas dari sebarang sumber atau percikan api.

- Isikan 10% lebih tekanan udara di kedua-dua tayar.
- Jangan gunakan minyak pada cakera brek depan, untuk mengelakkan berkarat. Jika cakera brek depan berkarat semasa penyimpanan, jangan cuba membersihkannya dengan air sabun. Karat akan hilang secara automatik semasa penggunaan brek selepas penggunaan semula.

** Bateri

- a. Keluarkan bateri dan simpan di kawasan pengudaraan yang baik serta di tempat yang tidak akan terdedah terus kepada cahaya matahari, kelembapan atau suhu beku.
- b. Sebelum mengambil motosikal untuk digunakan
 - Caj semula bateri di pusat servis / pengedar.
 - Sapukan gris pada terminal.

Penyediaan untuk penggunaan biasa selepas penyimpanan

- Bersihkan motosikal
- Pastikan palam pencucuh ketat.
- Isi tangki bahan api dengan bahan api.
- Tukar minyak enjin.
- Periksa semua perkara yang disenaraikan dalam “Pemeriksaan Sebelum Perjalanan”.
- Pastikan tekanan angin tayar seperti yang disyorkan.

MODENAS

Motosikal Dan Enjin Nasional

MOTOSIKAL DAN ENJIN NASIONAL SDN. BHD. 199501025408 (354613-V)

Kawasan Perindustrian Gurun,
08300 Gurun, Kedah Darul Aman, Malaysia.

T +604 466 8000 | F +604 466 8300

EMOS Edaran Modenas Sdn. Bhd. The Distribution Arm of MODENAS

WHATSAPP

TALIAN KHIDMAT PELANGGAN

+6019 - 570 8135

PUSAT PANGGILAN PELANGGAN

1 800 880 181



Ahli Kumpulan

DRB-HICOM